

MENENGAH 2 EXP/NA
LATIHAN TOPIKAL 7
KEFAHAMAN SUBJEKTIF

Kefahaman Subjektif	Markah Penuh	Markah Yang diperolehi	Tarikh
Latihan 1	30		
Latihan 2	30		
Latihan 3	30		
Latihan 4	30		
Latihan 5	30		

LATIHAN 1

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Amran berjalan terincut-incut di kawasan koridor, terjengket-jengket kelihatan janggal. Suara gelak ketawa riuh rendah yang mengisi ruang koridor itu membuatnya terhenti seketika. Lampu yang bergemerlapan memancar-mancar keluar dari setiap jendela. Berpasang-pasang selipar kelihatan terkumpul di luar pagar rumah. Daripada pandangan mata, jelas sebuah sambutan sedang berlangsung. **Firasatnya** berkata bahawa masanya tidak tepat dan seharusnya, dia berpatah balik sahaja. Namun, Amran mendapati dirinya terus maju ke hadapan tanpa kawalannya. Dia sudah menunggu begitu lama untuk bertemu dengan mereka. 5

“Tak apa. **Jenguk** sekejap sahaja. Selepas itu, aku akan pergi.” bisik hati Amran.

Selangkah demi selangkah, Amran **tercegat** di tepi sebuah jendela yang terbuka. Jendela itu dilindungi oleh pasu-pasu bunga yang disusun rapi. Tekaknya tiba-tiba terasa kering sejurus terpandang kelibat budak-budak. Perasaan yang bercampur-aduk menyelubungi dirinya ketika melihat budak-budak tersebut. Tanpa diduga, Amran menangis dan mengalirkan air mata di pipinya. Kedua-dua mereka sudah tinggi lampai dan jelas sedang menikmati sambutan yang sedang berlangsung. Daripada gerak-geri mereka, Amran yakin mereka sihat-sihat sahaja. 10

Amran memandang ke kiri dan ke kanan seluruh kawasan ruang tamu. Matanya kemudian tertumpu kepada gambar-gambar, piala dan pingat-pingat yang disimpan dalam rak pameran. Amran berasa amat bangga. Kedua-dua budak lelaki tersebut ternyata mewarisi bakat sukan yang ada dalam dirinya. Piala dan pingat dimenangi daripada temasya olah raga dan sukan renang. Selain itu, tergantung juga ijazah daripada universiti yang terkemuka di Singapura. 15

“Selamat ulang tahun... Selamat ulang tahun...” alunan lagu hari jadi membuat Amran **tersentak** daripada lamunannya. 20

Amran teringat bahawa hari itu merupakan hari lahir Rudi. Dalam lubuk hatinya, ingin sekali beliau berdiri di sebelah anaknya dan menyambut hari gembira itu bersamanya. Amran telah ketinggalan terlalu banyak sambutan hari lahir.

“Apa kamu buat di sini?” satu suara yang seumpama menuduh dengan nadanya yang menyakitkan hati mengganggu dan menyekat fikiran Amran yang sedang bercelaru. Tanpa perlu menoleh ke belakang, dia sudah boleh cam suara berkenaan. Siapa lagi kalau bukan isterinya. 25

“Assalamualaikum Aisyah. Kamu kelihatan sihat.” sambut Amran sambil menoleh perlahan-lahan ke arah isterinya dengan harapan menerima sambutan yang lebih memberangsangkan.

“Baik kamu pergi sahaja. Kamu tahu kamu tidak boleh dilihat di sini!” jawab Aisyah sambil menutup pintu rumahnya - menghalang Amran daripada melihat anak-anaknya. 30

Amran tahu dengan kepulangannya ke rumah, dia meletakkan keluarganya dalam situasi yang berbahaya. Pihak pemiutang masih lagi memburunya. Pasti sekali dia tidak mahu anak-anaknya melihat dia diheret tailong. Menyedari kebenaran kata-kata isterinya, Amran segera beredar. Sebelum itu, beliau sempat menoleh ke belakang untuk melihat isteri dan anak-anaknya buat kali terakhir. Melihat mereka gembira membuka hadiah membuat Amran menghembus nafas lega. 35

Sekurang-kurangnya, mereka kini hidup gembira.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

1. Apakah yang membuat Amran menghentikan langkahnya di ruang koridor? (3 markah)

2. Mengapakah Amran tiba-tiba ingin patah balik dan membatalkan niatnya untuk ke sana? (3 markah)

3. Apakah sebabnya Amran meneruskan sahaja niatnya untuk ke rumah itu? (3 markah)

4. Apakah reaksi Amran apabila melihat anak-anaknya? (3 markah)

5. Berikan **dua** bukti bahawa anak-anak Amran cemerlang dalam bidang akademik serta bidang sukan. (5 markah)

6. Amran telah membuat keputusan yang tepat untuk beredar dari rumah itu. Bersetujukah kamu? Berikan **dua** sebab. (5 markah)

Arahan: Bagi soalan 7 hingga 10, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

7. firasat (baris 5) (2 markah)

8. jenguk (baris 8) (2 markah)

9. tercegat (baris 9) (2 markah)

10. tersentak (baris 21) (2 markah)

LATIHAN 2

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Suasana kedinginan memecah kesunyian malam. Jeritan kucing liar bergema mengisi ruang kaki lima yang mengerikan, ditambah lagi dengan cahaya lampu malap. Jannah berhenti seketika di tengah-tengah jejak kembara untuk menoleh ke belakang. Dia berani bersumpah ada seseorang yang mengekorinya dari belakang sekali lagi. Ini bukan kali pertama perkara itu berlaku. Beliau tidak boleh **menyangkal** kemungkinan dirinya diekori. Namun setiap kali Jannah memusing ke belakang, tiada sesiapa di belakangnya. 5

Jannah melihat ke kiri dan kanan sambil menelitikan kedai dan lorong berdekatan. Semuanya sunyi sepi kecuali bunyi siulan kedinginan malam. Malam itu, Jannah membuat keputusan untuk mengakhiri **kecelaruan** yang telah menyelubungi dirinya selama ini. Beliau yakin, beliau akan menemui punca kecelaruan tersebut. 10

"Aku tak kisah kau siapa. Baik kau keluar sekarang. Kalau tidak aku akan telefon polis!" desak Jannah dengan nada yang tegas.

Buat seketika, keadaan di persekitaran sunyi sepi. Tiba-tiba, timbul satu kelibat jauh dari hujung matanya. Jannah menahan nafasnya. Dia tidak terfikir apa yang ingin dibuat jika orang jahat itu keluar. Dia tergamam sejurus menyedari keadaannya sekarang. Jika orang itu menyerangnya sekarang, dia benar-benar tidak ada apa-apa pun untuk melindungi dirinya. Dalam fikiran Jannah, dia sedang menjerit ketakutan. Tetapi pada zahirnya, dia terkejut dan hanya tercegat tidak dapat melakukan apa-apa, sedang **kelibat** itu menghampirinya. 15

"Jannah?" tanya suara itu. Rasa bingung menyelubungi dirinya kerana suara itu seakan-akan pernah dia dengar. Tekaknya tiba-tiba menjadi tersekat. 20

"Ayah, Ayah ke tu?" akhirnya Jannah dapat meluahkan sesuatu setelah melihat kelibat lelaki yang selama ini mengekorinya. Tanpa berfikir panjang, Jannah terus berlari ke pelukan ayahnya.

"Mana ayah pergi selama ini? Jannah ingat ayah dah pergi buat selama-lamanya!" bisik Jannah ke telinga ayahnya sambil menitis air mata.

"Maafkan ayah, sayang. Ayah malu nak bersemuka dengan sesiapa, apatah lagi Jannah. Tapi alhamdulillah sekarang, semuanya sudah selesai. Ayah sudah melunaskan segala hutang." jelas Amran. 25

Kenangan masa **silam** terpancar kembali - bagaimana samseng dan tailong mengganggu ketenteraman keluarga Jannah. Mereka berkali-kali memaksa Jannah sekeluarga membuka pintu rumah untuk mencari ayahnya. Malah, apabila pintu tidak dibuka, mereka tergamak menyiram cat di pintu rumah. Semuanya bermula di saat perniagaan ayahnya mengalami kerugian besar dek kemelut krisis kemerosotan ekonomi yang buruk pada saat itu. Mujur, semuanya hanya tinggal sejarah. Jannah berasa lega melihat ayahnya kini kembali ke pangkuannya. 30

"Ayuh ayah, kita pulang." kata Jannah sambil memimpin tangan ayahnya.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

1. Mengapakah Jannah merasakan bahawa keadaan di kaki lima mengerikan? (3 markah)

2. Apakah sebabnya Jannah menghentikan langkahnya di kaki lima? (3 markah)

3. Berikan **satu** bukti bahawa Jannah telah membuat keputusan secara terburu-buru. (3 markah)

4. Perasaan Jannah bercampur aduk apabila orang yang mengekorinya menghampirinya. Berikan bukti. (3 markah)

5. Berikan **dua** reaksi Jannah apabila mendapat tahu bahawa orang yang mengekorinya selama ini ialah ayahnya. (5 markah)

6. Berikan **dua** bukti bagaimana tailong telah mengganggu ketenteraman keluarga Jannah selama ini. (5 markah)

Arahan: Bagi soalan 7 hingga 10, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

7. menyangkal (baris 5) (2 markah)

8. kecelaruan (baris 9) (2 markah)

9. kelibat (baris 18) (2 markah)

10. silam (baris 28) (2 markah)

LATIHAN 3

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Roald Amundsen ialah seorang pengembara rakyat Norway. Beliau mempunyai sebuah wawasan iaitu untuk menjelajah kawasan Kutub Utara. Pada 1909, beliau merancang satu pengembaraan ke utara setelah mendengar **desas-desus** bahawa seorang lagi pengembara Robert Peary, sudah pun menjelajah Kutub Utara. Roald amat cemburu dengan tindakan lelaki tersebut. Sungguhpun demikian, beliau menyedari ada satu lagi pelosok bumi yang masih belum diterokai - Kutub Selatan. Dengan harapan menjadi pengembara pertama untuk menerokai Kutub Selatan, Roald segera mengubah destinasiya ke Selatan. Namun, beliau mendapat tahu bahawa seorang lagi pengembara Inggeris, Robert Scott juga merancang untuk mengembara ke tempat itu. Roald memutuskan untuk merahsiakan rancangan beliau supaya ia menjadi satu kejutan. Roald hanya memberitahu kru dan orang ramai tentang rancangannya setelah memulakan perjalanan.

Berita mengenai ekspedisi Roald ternyata mengejutkan Scott. Scott telah merancang untuk pergi ke sana secara santai tetapi kini, beliau mendapati dirinya dalam satu perlumbaan yang akan menentukan siapa yang bakal menjadi orang pertama ke Kutub Selatan. Semasa musim salji yang berpanjangan, Roald dan Scott mempersiapkan pasukan mereka mengikut cara masing-masing. Scott merancang untuk menggunakan motor luncur salji dan sekiranya ia rosak di tengah perjalanan, mereka akan **memikul** segala barang keperluan dan teruskan misi menaiki 'bas nombor 11'. Scott dan pasukannya meninggalkan stok makanan di setiap jarak 10 kilometer perjalanan mereka supaya sekiranya mereka kehabisan makanan, pasukannya tidak perlu berpatah balik terlalu jauh untuk mencapainya.

Roald bagaimanapun lebih praktikal. Pasukannya merancang untuk menggunakan anjing untuk menarik peluncur salji mereka. Anjing-anjing yang dipilih merupakan anjing yang berupaya berlari paling pantas di rantau Artik. Ia berbadan ringan dan tidak seperti haiwan-haiwan lain; misalnya kuda, yang mudah ditenggelami salji lembut. Roald juga merancang untuk membawa lebih banyak anjing supaya dalam perjalanan pulang, ia boleh dijadikan sumber makanan. Ini membantu mereka mengurangkan berat barangan yang perlu diangkut.

Roald dan kruanya mengambil jalan yang lebih **mencabar**. Mereka mendaki gunung glasier yang diliputi salji lembut dan batu bata yang tercacak-cacak. Mujur, kesemua anggota pasukannya berhasil melepasi gunung-ganang tersebut dan akhirnya tiba di Kutub Selatan pada 15 Disember 1911. Dengan bangga, pasukannya mencucuk bendera Norway di situ. Mereka **terpesona** dengan apa yang mereka lihat. Seluruh kawasan lapangan di situ diliputi salji yang gebu.

Nasib pasukan orang Inggeris yang diterajui Scott bagaimanapun tidak begitu bernasib baik. Motor luncur salji yang dinaiki mereka rosak semasa dalam perjalanan. Kru-kru beliau terpaksa mengangkut barangan masing-masing dan lama-kelamaan, mereka mula menjadi lemah sementara penglihatan mereka pula menjadi kabur akibat menenung salji terlalu lama. Walau bagaimanapun, mereka terus cekat dan akhirnya tiba di Kutub Selatan pada 17 Januari 1912. Segala harapan pasukan itu musnah apabila mendapati bendera Norway telah pun terpahat di situ - menandakan

mereka telah gagal dalam misi tersebut. Memandangkan ribut salji bakal menyusul, Scott dan pasukannya langsungkan perjalanan pulang tanpa berlengah-lengah. Perjalanan mereka bagaimanapun dihambat oleh keadaan cuaca sehingga ada dalam kalangan mereka yang cedera daripada luka beku. Bekalan makanan yang dibawa juga sudah habis semuanya. Malangnya, Scott dan pasukannya tewas akibat kebuluran. Mereka ditemui mati ditimbus salji oleh para kakitangan Khemah Induk.

40

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

1. Mengapakah Roald segera mengubah destinasiya ke Selatan sedangkan beliau pada mulanya telah merancang satu pengembaraan ke utara? (3 markah)

2. Mengapakah berita mengenai ekspedisi Roald merupakan berita yang mengejutkan bagi Scott? (3 markah)

3. Mengapakah Scott dan pasukannya meninggalkan stok makanan sepanjang perjalanan mereka? (3 markah)

4. Pasukan siapakah yang telah berjaya tiba dahulu di Kutub Selatan dan bilakah ia terjadi? (3 markah)

5. Apakah dua sebab Roald menjadikan anjing sebagai penarik peluncur salji mereka? (5 markah)

6. Apakah **dua** cabaran yang dihadapi oleh pasukan Scott ketika menuju ke Kutub Selatan?
(5 markah)

Arahan: Bagi soalan 7 hingga 10, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

7. desas-desus (baris 3) (2 markah)

8. memikul (baris 16) (2 markah)

9. mencabar (baris 26) (2 markah)

10. terpesona (baris 29) (2 markah)

LATIHAN 4

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Meskipun terlantar di atas katil dalam keadaan kurang bermaya, Zalikha tetap mengukirkan senyuman. Di sebalik keriangannya pada wajahnya, beliau sebenarnya tidak dapat melihat dengan jelas siapakah gerangan yang berada di hadapannya. Zalikha kemudian menghulurkan kedua-dua belah tangannya lalu menggenggam sepasang tangan yang lembut.

"Ah... Puteriku tersayang rupanya! Kamu sihat? Mari sini cium Nenek." kata Zalikha.

5

"Nenek, tengok ni Boneka baharu Anna! Apabila Nenek sudah baik nanti, bolehlah main sama-sama Anna." cucu Zalikha yang satu-satunya duduk di pangkuannya sambil bermain anak patung yang baru dibeli tadi.

"Sudah pasti, puteriku. Nenek mahu meluangkan segala masa nenek dengan kamu." jawab Zalikha sambil beliau mencubit-cubit pipi cucunya yang **gebu**.

10

Zalikha mendongak ke atas untuk melihat anak perempuannya, Salina, yang berdiri di belakang Anna. Beliau dapat melihat air mata semakin banyak terkumpul di kelopak mata anaknya bagaikan sebuah empangan yang boleh roboh bila-bila masa sahaja. Dengan anggukan kepala yang ringan, Zalikha memberi **isyarat** kepada anaknya untuk meninggalkan bilik itu. Mereka telah sepakat sebelum ini untuk tidak menitikkan air mata di hadapan satu sama lain. Zalikha tidak mahu kenangan melihat anak dan cucunya menangis menjadi memori saki-baki kehidupannya di bumi.

15

Melihat keseronokan cucunya bermain dengan anak patung baharu, Zalikha **terkenang** kembali tentang bagaimana beliau telah menjalani hidupnya. Beliau bersyukur telah dikurniakan suami dan keluarga yang penyayang. Gelak tertawa yang dinikmati pada setiap pertemuan keluarga menjadi saksi bagaimana eratnya hubungan mereka sekeluarga. Beliau juga dikurniakan kesihatan yang baik dan jarang sekali mengalami selsema ataupun demam. Zalikha tidak perlu melihat cermin untuk mengetahui segala tentang dirinya telah pun berubah. Beliau telah diserang penyakit barah tanpa sebarang petanda.

20

Pada awalnya, Zalikha menyangka bahawa dengan pemakanan yang sihat, beliau dapat menangani penyakit itu. Namun apakan daya, nasibnya susah ditentukan dengan takdir. Zalikha tidak begitu terkesan oleh keguguran rambutnya setiap kali menjalani rawatan kemoterapi. Tetapi yang amat **menusuk** kalbu adalah melihat sanak keluarganya turut berdukacita atas apa yang berlaku, terutama sekali apabila mereka melihat penurunan berat badan Zalikha secara mendadak. Tidak sesiapa pun sangka keadaan boleh berubah dengan mendadak dalam sekelip mata. Sejak menerima berita tersebut, beliau bagaikan patah harapan.

30

"Nenek sedang tengok Anna ke?" lamunannya terganggu oleh suara kanak-kanak yang amat biasa didengar.

Terkinja-kinja Anna di depan matanya - cuba untuk menunjuk neneknya tarian yang baru dipelajarinya di sekolah beberapa hari sebelumnya. Zalikha berhenti memikirkan tentang masalahnya lalu memberi galakan kepada Anna untuk teruskan menari. Masanya semakin suntuk baginya untuk memanfaatkan setiap detik yang tinggal.

35

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

1. Apakah yang Zalikha lakukan untuk mengetahui siapakah orang yang melawatnya? (3 markah)

2. Bagaimanakah reaksi Salina apabila melihat adegan manis di antara ibu dan anaknya? (3 markah)

3. Mengapakah Zalikha dan anaknya telah membuat perjanjian untuk tidak menangis di hadapan satu sama lain? (3 markah)

4. Apakah **satu** cara yang Zalikha lakukan untuk mencegah penyakit barah? (3 markah)

5. Sebelum diserang penyakit barah, kehidupan Zalikha amat gembira. Berikan **dua** bukti. (5 markah)

6. Apakah **dua** kesan penyakit barah kepada keadaan fizikal Zalikha?

(5 markah)

Arahan: Bagi soalan 7 hingga 10, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

7. gebu

(baris 10)

(2 markah)

8. isyarat

(baris 14)

(2 markah)

9. terkenang

(baris 17)

(2 markah)

10. menusuk

(baris 27)

(2 markah)

LATIHAN 5

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Aku teringat cogan kata "*dress for success*" - ketika aku memilih pakaian sut itu. Sepasang jaket baldi hitam, dipadankan dengan blaus sutera putih. Amat mahal harganya. Aku tidak pernah memiliki pakaian yang begitu cantik sekali. Aku juga membeli kasut baharu, bukan jenis yang mempunyai tapak getah selesa yang aku selalu gunakan untuk mengajar di sekolah menengah. Sebaliknya, aku membeli sepasang kasut tumit tinggi yang tapaknya dibuat daripada kulit lembu. 5
Barulah sesuai dengan majlis yang gah ini.

Acara yang bakal aku hadiri akan diadakan di dewan utama sebuah universiti. Ia merupakan sebuah **jamuan** untuk calon-calon yang sedang mempertimbangkan sama ada untuk meneruskan dengan program pengajian tinggi. Ia amat penting bagiku, sebagai langkah pertama ke arah masa depan yang cerah. Siapa tahu pada masa akan datang, aku barangkali memasuki dewan-dewan 10
universiti sebagai salah seorang ahli fakulti yang dihormati. Ia boleh membawa pelbagai perubahan pada diriku. Misalnya, aku tidak lagi perlu mengopek gula-gula getah yang ditempekkan di bawah kerusi meja, tidak perlu lagi mendengar ucapan "Saya lupa buat kerja rumah", tidak lagi perlu menelefon ibu bapa untuk bertanya mengapa anak mereka tidak ke sekolah. Memikirkan semua itu membuat aku penuh bersemangat. 15

Aku melihat kiri dan kanan dewan utama itu. Ia dihiasi dengan pelbagai lukisan yang dilengkapi bingkai gambar bersalut emas. Alunan muzik gamelan tradisional dimainkan di sebalik tabir oleh persatuan anak-anak Melayu universiti. Aku tidak mengenali sesiapa di jamuan tersebut namun ke mana sahaja aku menoleh, aku seperti dapat rasakan ada sahaja orang yang memandang ke arahku. Ramai yang juga melontarkan senyuman. Dalam fikiranku, mungkin benar 20
wujud cogan kata "*dress for success*".

Sesudah jamuan itu berakhir, aku pun meninggalkan dewan tersebut lalu terus menuju ke kereta. Aku mengambil keputusan untuk tidak langsung pulang ke rumah atau kembali menghabiskan seluruh hariku menyemak kertas kerja pelajar. Lebih baik aku pergi ke tempat lain yang **menawarkan** suasana yang nyaman, mungkin sebuah bistro atau galeri seni. Bila lagi aku 25
akan berpakaian secantik ini?

Sebelum beredar dari tempat meletak kereta, aku rasa lebih baik aku membetulkan rambut dan gincuku terlebih dahulu. Aku mengukir senyuman yang lebar di hadapan cermin sebelum menjadi **terpaku** seperti seseorang yang mengalami histeria.

Sepasang penggulung rambut berwarna merah jambu jelas terpacak di sebelah kiri belakang 30
kepalaku. Aku tidak boleh menjelaskan betapa jelasnya benda itu boleh dilihat. Hanya beberapa helai rambut sahaja yang menutupinya.

Aku rasa bagaikan ingin mati. Bagaimanakah aku hendak tunjukkan muka di universiti itu lagi? Patutlah semua orang senyum tersipu-sipu melihatku. Barangkali apa yang akan mereka katakan? Aku tercengang dalam kereta sambil menggenggam penggulung bodoh itu, menitis air 35
mata.

Aku sering memberitahu anak muridku, jika mereka mengalami sebarang masalah, atau telah melakukan satu kesalahan, gunakan kesalahan atau masalah itu sebagai satu pengajaran untuk memperbaiki diri. Namun kini, aku seperti tertelan sendiri kata-kataku. Aku berasa bagaikan ketam mengajar anaknya berjalan. Aku terus memandu pulang dalam keperitan.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

1. Apakah kerjaya yang diceburi oleh penulis? (3 markah)

2. Siapakah khalayak sasaran bagi jamuan yang dihadiri oleh penulis? (3 markah)

3. Bagaimanakah reaksi orang-orang di sekeliling penulis apabila melihat pakaiannya? (3 markah)

4. Mengapakah penulis terkejut apabila melihat cermin? (3 markah)

5. Nyatakan **dua** cabaran yang harus dilalui oleh penulis semasa menjalankan pekerjaannya. (5 markah)

6. Jelaskan **dua** pengajaran yang boleh diraih daripada petikan ini.

(5 markah)

Arahan: Bagi soalan 7 hingga 10, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

7. jamuan

(baris 8)

(2 markah)

8. wujud

(baris 21)

(2 markah)

9. menawarkan

(baris 25)

(2 markah)

10. histeria

(baris 29)

(2 markah)
